

Razaleigh ketuai UMNO Ulu Kelantan

KUALA KRAI, Ahad — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah mengekalkan jawatan Ketua UMNO Bahagian Ulu Kelantan dalam persidangan UMNO bahagian itu yang ke-32 di sini semalam.

Tengku Razaleigh, yang juga Ketua Badan Perhubungan UMNO Kelantan, menang tanpa bertanding menduduki kerusi Ketua UMNO

tersebut sejak 1962.

Manakala jawatan Timbalan Ketua Bahagian juga dimenangi tanpa bertanding oleh anggota Exco Kerajaan Negeri, Encik Ghani Abu Bakar, yang juga dilantik sebagai Setiausaha UMNO Bahagian tersebut.

Jawatan Naib Ketua dimenangi oleh Timbalan Menteri Besar, Encik Ariffin Said. Beliau juga menang tanpa bertanding bagi jawatan tersebut dan ini merupakan kali pertama beliau memegang jawatan itu dalam UMNO Bahagian Ulu Kelantan.

Jawatan Ketua Wanita UMNO Bahagian juga dimenangi tanpa bertanding oleh Puan Khatijah binti Mohamad. Beliau juga Ketua Wanita UMNO cawangan Kampung Selar.

Encik Rozali bin Ishak, seorang tokoh muda berkelayakan yang bergiat cergas di bidang politik sejak akhir-akhir ini, menang jawatan Ketua Pemuda Bahagian.

Beliau ialah Penolong Ketua Jajahan 1 Gua Musang dan merupakan anak tempatan yang pertama dari daerah Batu Melintang yang menjajakkan kaki ke Universiti Malaya. Beliau pernah berkhidmat dengan kumpulan akhbar The New Straits Times.

Seramai 349 perwakilan dari 90 cawangan UMNO dalam bahagian tersebut hadir di persidangan itu yang dirasmikan oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang berlangsung di Dewan Majlis Perbandaran Kuala Krai.

Seramai 12 ahli jawatankuasa dilantik termasuk seorang Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Jeli, Encik Abdul Samad Haji Deraman.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia